



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Pusingan U serlahkan sikap hipokrasi Pengerusi PPBM

um - 9/7/2017 pg. 19

SHAH ALAM 8 Julai - Langkah pusingan U yang dibuat Tun Dr. Mahathir Mohamad sehingga sanggup menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri jelas membuktikan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu penuh dengan sikap hipokrasi.

Pada masa sama, tindakan tersebut juga memperlihatkan bekas Perdana Menteri itu resah dengan keputusan Kabinet menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kisah sebenar di sebalik kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) dalam isu pelaburan *forex*.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, adalah sesuatu

yang memalukan melihat tindakan Dr. Mahathir itu kerana semasa berkuasa dahulu, beliau adalah individu yang bersusah-payah menghalang Anwar daripada menjadi Perdana Menteri.

“Pusingan U kali ini juga jelas menunjukkan beliau semakin terdesak dan saya amat ber-setuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa Pengerusi PPBM itu bukan lagi seorang pemimpin yang berprinsip.

“Beliau sanggup melakukan apa sahaja seperti bersekongkol dengan pihak pembangkang dan negara asing demi memastikan legasinya disambung oleh anaknya, Datuk Seri Mukhriz tercapai,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.